



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN SEBUT HARGA : (169) INFO/PK/K/7(2025-2026)

**TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENERBITAN VIDEO KORPORAT
JABATAN PENERANGAN**

YURAN : BND\$5.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP : HARI KHAMIS, (15 JANUARI 2026), JAM 8:00 PAGI

Syarat-syarat bagi mengikuti tawaran sebut harga adalah seperti berikut:-

1. **Syarikat-syarikat yang dipelawa adalah syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.**
2. **Syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-**
 - Lesen Rampaian
 - Lesen Perniagaan 16 & 17
 - EFT Keterangan Bank
3. Syarikat-syarikat dipelawa untuk menghasilkan satu (1) video berkualiti tinggi yang berkonsepkan video korporat.
4. Syarikat hendaklah mempunyai bidang yang kreatif dalam produksi, multimedia, perkhidmatan kreatif dan penerbitan media/acara.
5. Menghasilkan satu (1) video korporat penuh antara 3 ke 5 minit.
6. Syarikat tidak ditegah oleh mana-mana agensi Kerajaan.
7. Bahan-bahan rakaman tidak melanggar hak cipta.
8. Diperlukan untuk menyatakan penggunaan muzik, visual dan grafik berlesen (*copyrights disclaimer*).
9. Hak video yang dihasilkan akan menjadi hak milik Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sepenuhnya.

10. Konsep dan kreativiti tertakluk kepada perbincangan syarikat yang dilantik dan juga pihak Jabatan Penerangan.
11. **Penyerahan video akhir adalah tidak lewat dari Khamis, 05 Februari 2026.**
12. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga yang disediakan di Bangunan Asal, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas** dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**

13. Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi dengan disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditutup rapi dengan menyatakan bilangan tawaran tanpa menyatakan tajuk tawaran seperti berikut:-

Bilangan Sebut Harga : (169) INFO/PK/K/7 (2025-2026)

14. Borang Sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam Peti Sebut Harga **tidak lewat pada Khamis, (15 Januari 2026) Jam 8:00 pagi**
15. Borang yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
16. Keterangan mengenai perisian dan konsep video serta Borang Sebut Harga bolehlah didapati di alamat berikut:-
**Nur Zahirah binti Haji Osman
Penolong Pegawai Perhubungan Awam,
Meja Korporat, Unit Perhubungan Korporat
Tingkat 3, Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas
BB3510, Negara Brunei Darussalam
(e-mel: pr@information.gov.bn / mobile: +673 8845600).**